



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KP KT Malaysia

---

Rujukan kami : KP KT/BPK/19/7/4 Klt.46 ( 35 )  
Tarikh : 1 Julai 2021

## KENYATAAN MEDIA

---

### **PENAFIAN IKLAN TAWARAN PEMBIAYAAN PERIBADI 'LESTARI PINJAMAN PERIBADI KP KT'**

---

1. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KP KT) telah menerima maklumat daripada orang awam berhubung tawaran pembiayaan peribadi yang diiklankan di laman Facebook iaitu 'Lestari Pinjaman Peribadi KP KT' . Hasil semakan di laman facebook tersebut, KP KT mendapati laman tersebut telah diwujudkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang telah menyalahgunakan Logo Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Jata Negara) dan logo syarikat Kredit Komuniti berlesen yang didaftarkan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400].
  
2. Sehubungan itu, pihak KP KT **menafikan penglibatan dan tawaran iklan terhadap pembiayaan peribadi 'Lestari Pinjaman Peribadi KP KT' kepada orang awam.** KP KT memandang serius terhadap mana-mana pihak atau syarikat pemberi pinjam wang berlesen atau tidak berlesen yang menyalahgunakan logo KP KT (Jata Negara), logo Kredit Komuniti dan lesen pemberi pinjam wang untuk tujuan penipuan (*scammer*).
  
3. Siasatan lanjut terhadap perkara ini akan dilakukan oleh pihak Kementerian dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), PDRM untuk penelitian dan tindakan selanjutnya. Aduan juga telah dibuat kepada

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) berhubung perkara tersebut.

4. Sehubungan itu, orang awam adalah dinasihatkan untuk lebih berhati-hati dalam menerima sebarang tawaran pinjaman yang diiklankan. Sekiranya terdapat sebarang keraguan berhubung iklan yang dipaparkan, orang awam dinasihatkan untuk terus menghubungi Bahagian Kawalan Kredit Komuniti (BKKK), KPKT ditalian 03-8891 4690/4668/4658/4708 atau mengemukakan aduan melalui saluran <https://aduan.kpkt.gov.my> atau melalui aplikasi mobil i-KrediKom.

**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**30 Jun 2021**

**- TAMAT -**